



## PROJEK TAMAN WARISAN MELAYU



**LANTAI ISTIMEWA:** Jubin lantai bercorak ini, yang menampilkan ciri kaum Peranakan, tidak lagi terdapat di Singapura dan dibekalkan oleh pembuat jubin di Vietnam.



**CIRI LAMA DIKEKALKAN:** Kaca tingkap bangunan itu digantikan dengan jenis kaca yang serupa dengan asalnya, iaitu kaca Madras yang berwarna-warni dan mempunyai corak kecil.

## Teroka hingga ke Cape Town bagi bahan pameran Melayu

USAHA mencari bahan-bahan demi membangunkan Taman Warisan Melayu telah melangkah setapak lagi di luar Singapura dengan satu lawatan ke sebuah muzium warisan Melayu di Cape Town, Afrika Selatan, awal bulan ini.

Selain menjalin hubungan dengan pihak muzium warisan Melayu di sana, lawatan itu juga bertujuan meneroka kemungkinan meminjam artifak dan bahan pameran Melayu untuk dipamerkan di muzium Istana Kampong Gelam.

Pengerusi Jawatankuasa Projek Taman Warisan Melayu, Encik Zainul Abidin Rasheed, berkata Afrika Selatan mempunyai bahan sejarah yang dapat dimanfaatkan kerana terdapat sekitar setengah juta penduduk Melayu di sana.

Bagaimanapun, lawatan tersebut merupakan acara sampingan beliau yang kebetulan berada di sana bagi menyampaikan satu kertas kerja di Sidang Kewangan dan Pelaburan Islam Afrika Selatan.

Encik Zainul, yang akan berada di sana selama seminggu, berkata idea mengadakan pameran utama mengenai sejarah masyarakat Melayu di

Afrika Selatan juga mungkin dipertimbangkan pada masa depan.

"Rancangan kami dalam jangka masa panjang ialah untuk mementaskan pameran utama yang menyingkap sejarah dan budaya masyarakat Melayu di Afrika Selatan.

"Buat masa ini, saya ingin kukuhkan lagi hubungan bersama pihak muzium di sana, lihat sama ada terdapat beberapa bahan yang boleh disertakan dalam pameran yang menunjukkan diaspora masyarakat Melayu di dunia," kata Encik Zainul, yang juga Mayor Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC) North East.

Beliau sebelum ini melawat beberapa muzium di luar negara dalam usaha memajukan muzium Istana Kampong Gelam, yang dijangka dibuka pertengahan tahun depan.

Antara tempat yang beliau lawati ialah ke beberapa muzium di Riau bersama Pengurus Kanan Yayasan Warisan Melayu, Encik Khalid Shukur Bakri, awal bulan lalu untuk menjenguk beberapa artifak di sana.

Dua tahun lalu, yayasan itu telah melakukan lawatan ke Tanjung Pinang, Pulau Penyengat, Johor dan Kuala Lumpur.